

SELESAIKAN MASALAH YANG BERIKUT.

Sediakan kertas kosong untuk pengiraan. Baca soalan dan jawab. Pilih jawapan yang betul.

1. 208 liter air boleh dituang ke dalam 16 tong yang sama saiz.

a) Berapakah liter air yang diperlukan untuk mengisi 24 tong air?

b) Berapakah bilangan tong air yang diperlukan untuk 156 liter air?

2. Bilangan pengunjung di Karnival Pertanian ialah 142 698 orang. Bilangan pengunjung di Karnival Keusahawanan ialah 0.5 juta orang. Bilangan pengunjung di Karnival Kerja melebihi 38 759 orang daripada bilangan pengunjung di Karnival Keusahawanan. Berapakah jumlah pengunjung di ketiga-tiga karnival itu?

3. Puan Liyana mempunyai sekampit dengan jisim $6\frac{2}{5} kg$. Kemudian, beras itu dibahagikan kepada paket kecil dengan jisim $\frac{1}{10} kg$ sepeket. Berapakah bilangan paket yang dapat diperoleh?

4. Hitung peratusan markah kertas peperiksaan matematik Rashid yang telah mendapat 53 soalan betul daripada 60 soalan.